

Program Pascasiswazah

Peluang graduan yang belum dapat pekerjaan, diberhentikan kerja menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi

FOKUS

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

SUATU ketika dulu banyak pihak beranggapan dengan hanya memiliki kelayakan akademik peringkat sijil, diploma mahupun ijazah sarjana muda sudah mencukupi untuk memohon pekerjaan, namun sejak negara beralih kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-Ekonomi) sembilan tahun lalu, tanggapan itu perlu dikikis bagi menambah jumlah 'critical mass' negara.

Kini, negara mempunyai nisbah 23 penyelidik, saintis serta jurutera bagi setiap 10,000 tenaga kerja dan jumlah itu perlu dipertingkatkan kepada 50:10,000.

Bagi memenuhi kekurangan itu, kerajaan menggalakkan siswazah yang belum mendapat pekerjaan atau diberhentikan kerja menyambung pengajian ke peringkat pascasiswa di semua institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan tiga IPT swasta iaitu Universiti Multimedia, Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Teknologi Petronas.

Inisiatif itu diharap mengurangkan kegusaran individu diberhentikan kerja, sekali gus membuka peluang



IJAZAH yang dimiliki graduan universiti UPM ini belum menjamin mereka memperoleh pekerjaan.

menyambung pengajian ke peringkat pascasiswa yang dulu hanya dianggap sinonim dengan pensyarah universiti, penyelidik dan tenaga kerja profesional kerana semua kelas kerjaya terbabit memerlukan kelayakan akademik tinggi.

Menerusi tawaran itu, mereka yang layak akan menerima potongan yuran RM10,000 kepada 10,000 siswazah peringkat sarjana dan RM20,000 untuk 500 siswazah peringkat ijazah kedoktoran (PhD).

Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Prof Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata apabila pekerjaan semakin berkurangan, pekerja cenderung mengambil

peluang meningkatkan keupayaan diri seperti yang berlaku semasa kegawatan ekonomi pada lewat 90-an.

Beliau berkata, trend itu dimulakan di negara maju dan apabila ekonomi pulih mereka mudah diserap ke industri kerana mempunyai kelebihan akademik serta pengalaman penyelidikan yang tidak diperoleh oleh mereka yang tidak menyambung pengajian ke peringkat itu.

"Pengalaman menjalankan penyelidikan penting kerana hasil pembelajaran diperoleh bukan saja dari sudut akademik, malah keterampilan diri serta sikap yang lebih positif dapat dibina," katanya kepada *Berita Harian*,

baru-baru ini.

Namun, daripada 10,500 tempat disediakan, hanya kira-kira 2,279 membuat permohonan setakat minggu lalu, berbanding 368,500 tenaga buruh menganggur seperti direkodkan Jabatan Perangkaan Negara.

Jika jumlah itu ditambah dengan pemberhentian 300,000 pekerja Malaysia di Singapura, baru-baru ini ia menjadi sangat besar berbanding tempat yang disediakan.

Rata-rata majikan terutama sektor swasta, lebih cenderung mengutamakan calon memiliki pengalaman bekerja, berbanding graduan berkelulusan tinggi tetapi hanya berpengetahuan dari segi teori seperti dikatakan Pengarah

“ Kini pascasiswa tidak lagi bertumpu kepada kerjaya pensyarah, penyelidik dan golongan profesional saja”

Dr Radin Umar
Ketua Pengarah Kementerian
Pengajian Tinggi



Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Shamsuddin Bardan, sebelum ini.

Shamsudin menyuarakan kerisauan graduan semakin sukar mendapat kerja walaupun menamatkan pengajian peringkat pascasiswa kerana tiada pengalaman bekerja.

Mengulas perkara itu, Radin Umar berkata, sememangnya jumlah tenaga kerja yang memiliki PhD sekitar 12,000 sedangkan negara memerlukan sekurang-kurangnya 60,000 pemegang ijazah berkecukupan untuk memacu ekonomi berasaskan inovasi.

Beliau berkata, jika dibandingkan dengan negara maju, bilangan pemegang PhD negara ini jauh lebih kecil, namun ia meningkat dengan baik dari segi kuantiti dan kualiti ekoran pel-

bagai inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi termasuk agenda khusus seperti MyBrain15, program universiti Apex serta universiti penyelidikan sejajar Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

"Banyak kelebihan kepada golongan yang berjaya menamatkan PhD dengan cemerlang kerana mereka mempunyai keupayaan menganalisis dan membuat penilaian terhadap sesuatu isu.

"Lulusan PhD juga berkebolehan menghasilkan idea bernas dan inilah ciri utama memacu ekonomi inovasi, selain dari segi keterampilan, mereka berkebolehan merekacipta bahan, proses, sistem atau produk baru serta menyumbang kepada gedung ilmu," katanya.